

05 MAY 1999

PASARAN-PAKAR

PAKAR KEWANGAN GESA DIADAKAN KAWALAN ALIRAN MODAL LEBIH BESAR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 5 Mei (Bernama) -- Seorang pakar kewangan terkemuka British mengulangi kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dengan menggesa diadakan kawal seliaan yang lebih pasaran antarabangsa untuk mengujudkan kestabilan kewangan yang lebih besar.

Lord Robert Skidelsky, ahli akademik, pengarang dan jurucakap Pembangkang British mengenai perkara-perkara kewangan memberitahu satu persidangan ekonomi di sini bahawa pengalaman krisis ekonomi baru-baru ini di negara-negara sedang muncul menegaskan bahawa pasaran daripada segi dalaman adalah tidak stabil.

Menghujah supaya diadakan peraturan-peraturan baru yang mengawal kadar tukaran wang dan pergerakan modal, Lord Skidelsky berkata krisis kewangan Asia Timur telah membangkitkan persoalan terhadap semantap mana globalisma.

"Satu kes akademik bagi kadar tukaran wang terapung dan pergerakan modal yang tidak dikawal telah menjejaskan dengan serius oleh pengalaman-pengalaman kedua-duanya kebelakangan ibni," kata beliau.

"Untuk berterusan tanpa peraturan adalah mendedahkan kepada risiko kehancuran pasaran bebas di sebahagian besar dunia dan abad ke-21 yang akan menyerupai abad kita kini yang paling buruk tidak seperti abad ke-19 yang terbaik."

"Saya fikir telah terdapat perlanjutan krisis kewangan yang lama sejak sistem Bretton Woods tamat pada 1971, yang menunjukkan bahawa ia tergantung kepada kejutan besar dan mungkin amat meruntuhkan.

"Jika anda mempunyai banyak keruntuhan, maka orang akan mulai berkata bahawa mungkin keadaan telah tidak terkawal. Saya mulai menghujah bahawa anda harus mempunyai satu jenis rangka kerja antarabangsa yang baru, yang digubah untuk menstabilkan keadaan."

Lord Skidelsky ingin melihat satu sistem di mana tiga matawang terbesar dunia -- dolar AS, yen dan euro -- ditetapkan dalam nilai berbanding satu sama lain, sekurang-kurangnya dalam lingkaran yang luas.

"Ia akan mempunyai mekanisme pembatal di mana jika asas-asas ekonomi berubah ia boleh menukar aturannya, tetapi itu adalah rangka kerja yang negara-negara lain, negara-negara kecil, mungkin pernah diikat dengan salah satu daripada matawang-matwang itu dan menetapkan matawang mereka sendiri pada asas wajaran perdagangan," katanya.

Lord Skidelsky juga menggesa supaya Tabung Matawang Antarabangsa disusun semula, dengan sumber-sumber yang lebih besar supaya ia boleh menjadi lebih seperti sebuah bank pusat dunia, satu punca terakhir peminjam.

"Perkara ketiga yang kita perlukan ialah kawal seliaan yang lebih besar aliran modal di seluruh dunia, terutamanya dengan negara-negara dengan sistem kewangan yang mundur.

"Negara-negara itu tidak seharusnya menerima sewenang-wenangnya sebanyak mana wang yang mereka terima, mereka tidak mampu mengendalikannya sama sekali," katanya.

-- BERNAMA.

NDC KTC OS